

10 NOV 1997

Komanwel - Kompleks

KOMPLEKS SUKAN BUKIT JALIL JADI TARIKAN PELANCONG

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil yang bernilai RM1.2 bilion dekat sini akan diperkenalkan sebagai tarikan pelancong dan taman rekreasi keluarga.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata terdapat penambahan kemudahan seperti restoran, tasik buatan manusia, trek berjoging, padang permainan, surau dan tandas awam.

Muhyiddin berkata beliau akan meminta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk memasukkan kompleks sukan itu dalam risalah pelancongan.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melawat Perkampungan Sukan Komanwel dan menanam pokok sebagai tanda pelancaran projek lanskap bernilai RM59 juta bagi keseluruhan projek itu, katanya kemudahan di situ akan ditambah secara berperingkat.

Projek lanskap itu termasuk penanaman 9,000 pokok dan beberapa ribu pokok renek. Kontraktor projek itu, Mercuri Maju Sdn Bhd akan menyiapkannya menjelang Mei tahun depan dan akan menjaga kesuburan tanaman itu selama dua tahun.

Kompleks Sukan Negara meliputi kawasan seluas 120 hektar yang mengandungi Institut Sukan Negara, Majlis Sukan Negara (MSN) dan stadium-stadium bagi Sukan Komanwel, yang berlangsung dari 11 hingga 21 Sept tahun depan.

Mengenai Perkampungan Sukan, Muhyiddin berkata terdapat 1,400 unit apartmen yang akan siap bulan depan dan Sukom Ninety Eight Berhad, penganjur sukan itu, akan mengambil alih mulai Mac.

"Sukom akan menyediakan kelengkapan di setiap unit sehingga Mei. Satu unit akan menempatkan lima atlit dan semua atlit akan ditempatkan di Perkampungan Sukan," katanya.

Mengenai sistem Transit Aliran Ringan (LRT) yang menyediakan perkhidmatan ke kompleks itu, Muhyiddin berkata ia akan beroperasi sepenuhnya menjelang Julai dengan keupayaan membawa 32,000 penumpang sejam.

Ketua Perkampungan Sukan yang akan mengendalikan pengurusan perkampungan akan dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya mempunyai beberapa nama dan akan membiarkan PM menentukannya," katanya.

Beliau berkata kementerian juga akan berbincang lebih lanjut dengan Sukom Ninety Eight mengenai pengurusan Perkampungan Sukan itu termasuk pangangkutan dalaman, keselamatan, daftar masuk dan pengendalian bagasi.

"Kita mesti ada sistem yang baik di Perkampungan Sukan tersebut agar semua pegawai dan atlit selesai semasa tinggal di situ," kata Muhyiddin.

Sebanyak 6,000 pegawai dan atlit dari 60 negara dijangka menyertai sukan itu. -- BERNAMA

DC NN MAI